

21/04/1999

Kad pelbagai guna dalam peringkat pemilihan akhir

M Azlan Jaafar

PROSES pemilihan syarikat dan konsortium bagi pelaksanaan projek kad kerajaan pelbagai guna (GMPC), satu daripada projek yang dijana tujuh aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) kini di peringkat akhir.

"Syarikat atau konsortium syarikat teknologi maklumat (IT) yang disenarai pendek untuk projek itu kini tinggal dua," menurut satu sumber.

Projek kad pelbagai guna itu menarik minat 11 konsortium yang merangkumi kerjasama syarikat tempatan dan luar negara.

"Kabinet akan membincangkan projek itu dan memilih salah satu daripada dua syarikat yang sudah memasuki peringkat terakhir penilaian," katanya lagi.

Proses penilaian itu dijalankan mengikut dasar yang ditetapkan dengan firma perunding melakukan penilaian profesional.

Tujuan utama penggunaan kad pelbagai guna ialah untuk membolehkan penggunaan satu kad bagi pelbagai urusan harian; daripada pengenalan diri, melakukan transaksi dan pembayaran harian.

Projek kad pelbagai guna adalah satu daripada 15 projek Permohonan Cadangan Untuk Konsep (CRFP) bagi empat aplikasi perdana MSC yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Julai 1997.

Daripada 15 projek CRFP yang diumumkan, lima ialah untuk projek Kerajaan Elektronik, lima projek Sekolah Bestari, empat projek Teleperubatan dan satu projek Kad Pintar Pelbagai Guna.

Inisiatif aplikasi perdana MSC ialah Sekolah Bestari, Kerajaan Elektronik, Pemasaran Tanpa Sempadan, Kelompok Penyelidikan dan Pembangunan, Rangkaian Pengilangan Sedunia, Teleperubatan dan Kad Pelbagai Guna itu dilihat sebagai pelantar yang akan merencanakan pembangunan perisian dan aplikasi multimedia di Malaysia.

Kegawatan ekonomi sejak lebih 18 bulan lalu tidak menghalang kerajaan meneruskan inisiatif paling komprehensif yang pernah dilaksanakan di mana-mana.

Kerajaan Malaysia baru-baru ini menandatangani perjanjian bernilai RM99 juta dengan MRCB Multimedia Consortium Sdn Bhd bagi melaksanakan projek Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS), satu elemen dalam aplikasi Kerajaan Elektronik.

Manakala projek Sekolah Bestari dijangka akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Sementara itu Dato Dr Jaffar Mohd Ali, pengerusi Rentak Kukuh Sdn Bhd yang ditanya mengenai GMPC berkata, perbincangan konsortiumnya dengan pihak berkaitan sudah diadakan dan masih berjalan.

"Bagaimanapun, Kabinet akan membincangkan perkara itu dan kami masih menunggu keputusannya," katanya.

Konsortium GMPC Corporation terdiri daripada lima syarikat, tiga syarikat IT yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) dan dua syarikat tempatan. Konsortium itu juga telah melaksanakan projek cubaan bagi aplikasi GMPC.

(END)